

08/08/2002

Dr Mahathir, Megawati bincang isu pendatang tanpa izin

DENPASAR (Bali), Rabu - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini untuk lawatan kerja dua hari ke Indonesia, petang ini mengadakan pertemuan dengan Presiden Megawati Sukarnoputri di Wisma Merdeka, membincangkan pelbagai perkara kepentingan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Malam ini, Dr Mahathir dan perwakilan Malaysia, termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil diraikan pada majlis makan malam di Istana Tampaksiring.

Perbincangan kedua-dua pemimpin yang dipercayai menumpukan kepada soal pendatang tanpa izin Indonesia di Malaysia dan pelaburan Malaysia di republik itu akan diteruskan esok, sebelum disertai perwakilan negara masing-masing.

Bercakap kepada wartawan Malaysia awal hari ini, Syed Hamid berkata lawatan Dr Mahathir penting kerana ia membuktikan keakraban kedua-dua negara walaupun berlaku pertukaran pemimpin.

Di Indonesia, Megawati mengambil alih jawatan daripada Gus Dur atau Abdulrahman Wahid dan sebelum itu daripada Presiden Habibie.

Dr Mahathir dan Megawati juga akan menyaksikan majlis menandatangani lima perjanjian persefahaman (MoU) yang membabitkan kedua-dua negara.

Bagi perjanjian mengenai penghantaran pendatang tanpa izin Indonesia, ia akan ditandatangani oleh Syed Hamid dan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia, Jacob Nuwa Wea.

Antara lain, perjanjian itu menggariskan prosedur dan kaedah penghantaran pekerja asing Indonesia bagi mengelakkan timbul pelbagai masalah, termasuk kos dan kelancaran.

Syed Hamid menjelaskan di Malaysia ada 450,000 pendatang tanpa izin Indonesia yang tertakluk kepada proses penghantaran pulang menerusi program pengampunan.

Indonesia pula mahu supaya kemasukan secara teratur pekerja ke Malaysia tidak dihadkan kepada sektor perladangan dan pembantu rumah tetapi diperluaskan ke sektor lain.

Mengenai laporan layanan buruk majikan Malaysia terhadap pekerja Indonesia sebagaimana disiarkan media Indonesia, Syed Hamid berkata ia perlu dilihat dari konteks kes keseluruhan, walaupun tidak menafikan ada majikan yang mungkin bersifat zalim kepada mereka.

"Malaysia adalah tempat rakyat Indonesia selesa bekerja. Majikan yang melakukan kezaliman akan dikenakan tindakan undang-undang.

"Bandingkan dengan keadaan pekerja asing di negara lain malah di Asia Pasifik sekalipun.

"Di Eropah, pendatang asing ditahan di tempat tahanan yang tidak diketahui. Itu sebab mereka perlu masuk ke Malaysia dengan saluran yang betul supaya mereka tidak dieksploitasi," katanya.

Menerusi perjanjian kerjasama mengenai perkara Imigresen yang akan ditandatangani oleh Syed Hamid dan Menteri Keadilan dan Hal Ehwal Hal Asasi Indonesia, Prof Dr Yusril Ihza Mahendra, kedua-dua negara bersetuju melaksanakan penggunaan pasport pintar bagi memudahkan proses masuk keluar rakyat kedua-dua negara.

Malaysia dan Indonesia juga akan menandatangani perjanjian pembangunan wanita selain perjanjian antara Petronas dan Pertamina mengenai pembekalan

dan penyaluran gas dari Pulau Natuna ke Malaysia.

Sempena lawatan itu, kerjasama antara Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (Permai) dan Lembaga Persahabatan Indonesia-Malaysia (Prima) akan dilancarkan.

Permai dan Prima adalah badan bukan kerajaan dianggotai tokoh berpengaruh, termasuk bekas menteri yang tidak lagi mempunyai kaitan secara langsung dalam kerajaan.

Sementara itu, perjanjian penubuhan majlis perdagangan bersama Malaysia-Indonesia turut ditanda tangani.

Majlis bersama itu ditubuhkan susulan hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke republik itu baru-baru ini.

Sebagai tambahan, satu perjanjian tiga hala (trilateral) bagi menentukan kestabilan harga getah membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand akan turut dimeterai.

Antara lain ia bertujuan menentukan harga dan pasaran getah dapat dikawal dengan baik di samping memastikan pengeluaran hasil getah tidak terjejas.

Perdana Menteri Thai, Thaksin Shinawatra akan turut hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu bersama Dr Mahathir dan Megawati.